

# Kerajaan kaji pecah geran tanah Melayu

## Langkah meningkatkan nilai komersial, elak terbiar

Oleh Fazli Abdullah  
dan Saufi Hamzah

**G**EORGETOWN: Kerajaan sedang menggubal satu rang undang-undang yang membolehkan geran tanah pertanian terutama rizab Melayu dipecah kepada saiz kurang daripada 0.4 hektar.

Kebenaran itu bertujuan meningkatkan nilai komersial tanah berkenaan, sekali gus membolehkan tanah itu dimajukan dan menangani masalah tanah terbiar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara menggubal rang undang-undang itu dan akan dibentangkan di Parlimen sesi akan datang.

"Ini bagi membolehkan tanah berkenaan mempunyai nilai komersial dan dimajukan," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) projek e-tanah.

MoU itu ditandatangani antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pulau Pinang bagi membolehkan negeri itu melaksanakan projek perintis e-tanah bermula akhir tahun depan.

E-tanah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengguna dan pe-

langgan dalam urusan seharian pentadbiran tanah. Pelaksanaannya bagi menyahut aspirasi kerajaan dalam meningkatkan pentadbiran tanah.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Suboh Mohd Yassin.

Azmi berkata, di kampung Melayu ada tanah yang bersaiz 0.4 hektar dimiliki beberapa orang tetapi tidak dapat diberikan geran berasingan kerana pecah geran tidak dibenarkan.

Sekiranya seorang daripada pemilik tanah itu mahu memajukan tanahnya, tukar syarat perlu dilakukan

ke atas seluruh tanah berkenaan kerana hanya ada satu geran dan ini menimbulkan masalah.

"Kabinet sudah setuju pada 2001 tetapi keputusan itu tidak dilaksanakan hinggalah sekarang kita sedang menggubal undang-undang untuk membenarkannya," katanya,